

---

**PELAKSANAAN TEMPOH LATIHAN BAGI PROGRAM KEMAHIRAN MENGGUNAKAN STANDARD  
KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS) BAHARU DAN SISTEM PERSIJILAN  
KEMAHIRAN MALAYSIA BERASASKAN KREDIT**

Ruj : JPK/702/1/10 Jld.10 ( 53 )

Tarikh : 24 Dis 2014

Adalah dimaklumkan Jabatan telah memutuskan pelaksanaan tempoh latihan yang baharu selaras dengan penguatkuasaan penggunaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) baharu dan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit dalam mempertingkatkan pengurusan dan penyampaian SPKM. Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) / Pusat Bertauliah (PB) hendaklah mematuhi tempoh latihan yang ditetapkan bagi tujuan penganugerahan kelayakan SKM/DKM/DLKM sebagaimana yang dinyatakan dalam NOSS tertakluk kepada jadual tempoh latihan seperti berikut:

**Jadual 1: Tempoh Latihan bagi Program Mengikut Tahap**

Tahap	Tempoh Latihan (Jam)
L1 sahaja	400 ~ 600
L2 sahaja	400~ 600
L3 sahaja	800 ~ 1200
L2 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	800 ~ 1200
L3 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	1600 ~ 2400
DKM sahaja	800 ~ 1200 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DLKM sahaja	1200 ~ 1800 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DLKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 5)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri

**Jadual 2: Tempoh Latihan bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*)**

Kumpulan Program Bertauliah	Tahap Persijilan	Tempoh Latihan (Jam)
A1	Tahap 1, 2 & 3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3)	1600 ~ 2400
A2	Tahap 2 & 3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3) (NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	1600 ~ 2400
B1	Tahap 1, 2, 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B2	Tahap 2, 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang bermula dengan tahap 2)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B3 (a)	Tahap 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang mempunyai Tahap 1 atau 2)	1600 ~ 2400 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B3 (b)	Tahap 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang bermula Tahap 3)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
C1 (a)	Tahap 3, 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang mempunyai Tahap 1 atau 2)	2800 ~ 4200 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C1 (b)	Tahap 3, 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C2 (a)	Tahap 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 1 atau 2 atau 3)	2000 ~ 3000 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C2 (b)	Tahap 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri

## **Pelaksanaan Tempoh Latihan**

Pelaksanaan tempoh latihan seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Bagi mana-mana tempoh pembelajaran dalam NOSS format baru yang berada dalam julat minimum dan maksimum, latihan **perlu mengikut tempoh yang dinyatakan dalam NOSS**;
- ii. Bagi tempoh pembelajaran dalam NOSS format baru yang **lebih rendah daripada ketetapan tempoh latihan minimum**, hendaklah mengikut tempoh latihan **minimum**; atau
- iii. Bagi tempoh pembelajaran dalam NOSS format baru yang **lebih tinggi daripada ketetapan tempoh latihan maksimum**, hendaklah mengikut tempoh latihan **maksimum**.

## **Tarikh Kuatkuasa**

Pelaksanaan tempoh latihan bagi program kemahiran menggunakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) baharu dan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Kredit ini mula berkuatkuasa bagi permohonan pentauliahan yang dikemukakan mulai **1 Januari 2015**.

## **Implikasi Kepada Pusat Bertauliahan**

Tempoh latihan yang dinyatakan pada **Perkara 5.2** dalam Panduan Pelaksanaan & Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012 dan **Perkara 5.3** dalam Panduan Pentauliahan dan Pelaksanaan Berasaskan NOSS Format Baharu bagi Pusat Bertauliahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia adalah **TERBATAL**.

PB yang telah mendapat pentauliahan bagi program NOSS baharu dibenarkan menggunakan tempoh latihan sedia ada sebagaimana yang telah diluluskan tetapi perlu mematuhi tempoh latihan yang dinyatakan apabila membuat pembaharuan pentauliahan. PB yang telah membuat pindaan tempoh latihan sebelum tamat tempoh pentauliahan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan untuk direkodkan.

Bagi penggunaan NOSS lama, tempoh latihan masih lagi tertakluk kepada tempoh latihan yang dinyatakan pada **Perkara 5.2** dalam Panduan Pelaksanaan & Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Pekerja Berinovatif Pemacu Transformasi”**

**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Pembangunan Kemahiran**  
**Kementerian Sumber Manusia**